

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

RAE 333 Falsafah, Teori & Kaedah Dalam Rekabentuk Seni Bina

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

1. Bincangkan dengan ringkas maksud:-

- (a) Manusia dengan pemikirannya.
- (b) Falsafah.
- (c) Teori.
- (d) Kaedah.
- (e) Seni bina

( 20 markah )

2. Jelaskan maksud Rekabentuk Alam Sekitar. (Environmental Design) Di manakah letaknya tanggungjawab seseorang arkitek terhadap rekabentuk alam sekitar.

( 20 markah )

3. Bagaimanakah Prinsip Rukun Negara dan Tatarakyat dapat diterapkan di dalam falsafah merekabentuk seni bina di Malaysia?

( 20 markah )

...2/-

4. Di dalam bukunya 'DESIGN IN ARCHITECTURE' (Profesor Geoffery Broadbent) menyatakan bahawa akitek-akitek pada amnya telah menggunakan empat cara yang nyata untuk menghasilkan bentuk tiga dimensi, yang mana beliau menghuraikan seperti berikut:-

- (a) pragmatik
- (b) ionik
- (c) analogik
- (d) kanonik

Nyatakan dengan perkataan sendiri metadologi yang digunakan di dalam tiap-tiap satu daripada empat yang tersebut di atas, dan berikan satu contoh bangunan yang telah direka.

( 20 markah )

5. Orang yang terkemuka di dalam seni bina abad kedupuluhan; seperti GROPIUS, MIES, FRANK LLOYD WRIGHT, BUCKMINSTER FULLER, ANTONIA GAUDI dan CORBUSIER, telah menghasilkan bentuk-bentuk bangunan mereka dengan menggunakan sama ada cara pragmatik, ionik, analogik, canonik ataupun kombinasi kesemuanya sekali.

Pilih salah seorang yang terkemuka itu, dan gambarkan falsafah rekaannya berhubung dengan salah satu daripada metadologi rekaan di atas. Lakarkan contoh-contoh bangunan mereka.

( 20 markah )

6. Catitkan beberapa jenis metodologi rekabentuk yang boleh menimbulkan rekaan-rekaan kreatif di dalam seni bina.

( 20 markah )

7. Tuliskan satu rencana kritis ringkas berkenaan dengan pendekatan-pendekatan yang ada, terhadap rekabentuk seni bina di Malaysia pada hari ini.

( 20 markah )

8. Rumuskan satu rekabentuk TROPIKA yang dapat mencerminkan pemikiran ISLAM daripada segi falsafah, sains dan teknologi moden.

( 20 markah )

-ooo00ooo-

